



JURNAL LINGUISTIK Vol. 30 (1) Mei 2026 (032-053)

Imbuan Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun: Perbandingan Istilah dalam Akhbar

¹Muhammad Azri Hafifi Mohd Zaludin, ^{*2}Ong Shyi Nian & ³Komalata Manokaran

¹hafifi.mz@umk.edu.my, ^{*2}ongsn@um.edu.my, ³latagur188@gmail.com

¹*Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan*

^{*2,3}*Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya*

¹*Penulis Utama*, ^{*2}*Penulis Koresponden*

Tarikh terima : 6 Januari 2026
Received
Terima untuk diterbitkan : 1 Mac 2026
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2026
Published online

Abstrak

Bahasa Melayu dan bahasa Jepun adalah dua bahasa yang mempunyai beberapa persamaan, di mana kedua-dua bahasa tersebut tergolong dalam kumpulan bahasa aglutinatif. Bahasa aglutinatif yang dicirikan melalui proses aglutinasinya di mana perkataan atau kata dasar dikonjugasikan dengan cara menambah morfem iaitu unit terkecil dalam bahasa yang mempunyai makna. Morfem yang terikat pada akar kata tertentu mempunyai tujuan tersendiri dalam proses morfologi dalam pembentukan perkataan baharu. Singkat kata, perkataan baharu boleh dicipta dengan ciri yang sama dari segi bahasa dengan makna asal perkataan tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti dengan membuat perbandingan kaedah pembentukan kata dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun bagi memahami persamaan dan perbezaan dalam proses morfologi kedua-dua bahasa tersebut dalam konteks pengimbuhan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yakni dengan menganalisis perkataan-perkataan yang terpilih berkaitan bunga sakura daripada artikel dalam akhbar Malaysia dan Jepun untuk memastikan kerelevanan bahan ditambah dengan kandungan bahasa yang kaya yang boleh diteliti dengan penuh rapi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua bahasa ini mempunyai perbezaan dan persamaan dari segi jenis pengimbuhan. Kajian ini mampu menjadi rujukan tambahan berkaitan aspek morfologi dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Kajian ini dapat memberikan pemahaman tentang proses pembentukan kata yang wujud, dan bermanfaat kepada pengkaji bahasa-bahasa tersebut.

Kata kunci: *Bahasa Melayu, bahasa Jepun, pengimbuhan, akhbar, perbandingan*

Malay and Japanese Affixes: Comparison of Terms in Newspapers

Abstract

Malay and Japanese are two languages that share some similarities, as both belong to the agglutinative language family. An agglutinative language is characterised by its agglutinative process, where words or root words are conjugated by adding a morpheme, which is the smallest unit in the language that has meaning. Morphemes are attached to certain root words and have their own purpose in the morphological process in the formation of new words. In other words, new words can be created with the same linguistic features as the original meaning of the

word. This study examines and compares word-formation methods in Malay and Japanese to understand the similarities and differences in the morphological processes of the two languages in the context of affixation. This study uses a qualitative approach to analyse selected words related to cherry blossoms from articles in Malaysian and Japanese newspapers to ensure the material is relevant and rich in language, allowing thorough research. The findings show that these two languages differ and share similarities in the types of affixations. This study adds references on morphological aspects in both Malay and Japanese and provides scholars with an understanding of the existing word-formation process.

Keywords: Malay language, Japanese language, addition, newspaper, comparison

1. Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Ramai berpendapat bahasa Melayu dan bahasa Jepun tidak mempunyai persamaan disebabkan faktor perbezaan struktur ayat, tatabahasa, fonetik dan sistem tulisan yang wujud dalam bahasa masing-masing. Meskipun begitu, analisis lanjut mendedahkan kedua-dua bahasa ini berkongsi proses pengimbuhan, suatu ciri aglutinatif, proses di mana morfem digabungkan pada kata dasar untuk membentuk perkataan baharu. Hujahan ini menyokong Febrian et al. (2022) yang menerangkan bahasa seperti Korea, Jepun, Melayu dan Inggeris tergolong dalam bahasa aglutinatif di mana perkataan baharu dihasilkan melalui penambahan awalan atau akhiran pada kata dasar, menjadikan kedua-dua bahasa ini termasuk dalam kumpulan yang sama. Secara umumnya, proses pengimbuhan berperanan dalam pembentukan kata bagi bahasa aglutinatif. Pengimbuhan dilihat sebagai mekanisme utama dalam penghasilan pelbagai perkataan baharu dan pada masa yang sama menonjolkan keistimewaan ciri aglutinatif yang ada pada bahasa tersebut. Proses ini memberi tumpuan kepada mekanisme seperti imbuhan awalan, akhiran dan sebagainya yang berinteraksi dengan kata dasar bagi memperkayakan perbendaharaan kata sedia ada. Fenomena ini dapat dilihat dalam bahasa Indonesia dan telah dibuktikan oleh Febrian et al. (2022) yang menunjukkan kata dasar '*ajar*' boleh diubah dari segi perkataan dan maknanya, misalnya menjadi *belajar* (menuntut ilmu), *mengajar* (menyampaikan ilmu) dan sebagainya. Penemuan ini membuktikan bahawa pengimbuhan memainkan peranan penting memacu evolusi makna dalam bahasa. Hal ini diperkuatkan lagi oleh Toluspayeva (2024) yang menyatakan pengimbuhan merupakan proses menambahkan imbuhan pada kata dasar yang bakal membawa kepada pembentukan perkataan baharu dengan makna leksikal dan tatabahasa yang berbeza.

Walaupun kajian lampau telah mengupas mengenai proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun, kajian perbandingan khusus mengenai proses pengimbuhan masih terhad. Kajian-kajian lampau lebih banyak tertumpu kepada aspek lain, misalnya Uni & Miller (2018) menerangkan persamaan semantik dalam pembelajaran tulisan Kanji, manakala Ong & Zainon (2018) pula mengupas pola reduplikasi. Meskipun terdapat kajian yang memfokuskan perbandingan imbuhan antara bahasa seperti kajian oleh Darlina (2018), perbandingan tersebut hanya dibuat antara bahasa Jepun dan bahasa Indonesia. Kajian yang dijalankan oleh Darlina (2018) memberikan gambaran mendalam tentang mekanisme pengimbuhan dalam bahasa Jepun dan Indonesia, namun tidak merangkumi bagaimana proses yang serupa berlaku dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, dapatan kajian lampau tidak sepenuhnya mencerminkan sumbangan pengimbuhan terhadap pengembangan perbendaharaan kata, terutama apabila dilihat dari perspektif penggunaan bahasa sebenar dalam situasi harian bagi kedua-dua bahasa.

Berdasarkan jurang kajian terdahulu mengenai sumbangan pengimbuhan dalam konteks pengembangan perbendaharaan kata, pemilihan teks akhbar sebagai sumber data dianggap tepat kerana ia mencerminkan penggunaan bahasa dalam situasi harian. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai proses pengimbuhan yang dapat diperoleh dalam teks akhbar berbahasa Melayu dan bahasa Jepun. Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menganalisis secara kontrastif proses pengimbuhan, di samping memperkukuh pemahaman mengenai sumbangan proses tersebut dalam konteks pengembangan perbendaharaan kata. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji proses pengimbuhan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun bagi memahami peranannya dalam pembentukan

kata. Analisis selanjutnya diharapkan dapat membuka perspektif baharu dalam kajian perbandingan antara kedua-dua bahasa, dan menyediakan asas teori yang kukuh untuk pengajaran dan kajian lanjut dalam bidang linguistik aglutinatif kelak.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif berikut:

1. Menenal pasti dan menganalisis variasi pengimbuhan yang digunakan dalam teks akhbar berbahasa Melayu dan bahasa Jepun melalui bentuk, fungsi serta kesannya terhadap pembentukan kata.
2. Membandingkan proses pengimbuhan antara kedua-dua bahasa bagi menghuraikan persamaan dan perbezaan serta menjelaskan sumbangannya terhadap pengembangan makna dan kosa kata.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab dua persoalan ini:

1. Apakah variasi pengimbuhan yang wujud dalam teks akhbar berbahasa Melayu dan bahasa Jepun melalui bentuk, fungsi serta kesannya terhadap pembentukan kata?
2. Apakah jenis proses pengimbuhan antara kedua-dua bahasa bagi menghuraikan persamaan dan perbezaan serta menjelaskan sumbangannya terhadap pengembangan makna dan kosa kata?

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yakni dengan menganalisis perkataan-perkataan yang terpilih berkaitan bunga sakura daripada artikel dalam akhbar Berita Harian Malaysia dan Yomiuri Shimbun Jepun, keluaran 29 Mac 2021 sahaja untuk memastikan kerelevanan bahan ditambah dengan kandungan bahasa yang kaya yang boleh diteliti dengan penuh rapi.

2. Sorotan Literatur

Pengimbuhan merujuk kepada proses pembentukan perkataan baharu melalui penambahan imbuhan pada kata dasar. Proses ini tidak hanya menghasilkan makna baharu, malah sering membawa kepada perubahan kepada perkataan asal seperti mengubah golongan kata. Unubi & Yusuf (2017) menyatakan pengimbuhan merupakan proses membentuk perkataan baharu daripada perkataan asal (digelar sebagai kata dasar) dengan menambahkan imbuhan pada perkataan tersebut, sekaligus mengubah bentuk asal perkataan. Van Goethem (2020) pula menekankan bahawa pengimbuhan merupakan proses morfologi yang melibatkan penambahan imbuhan pada kata dasar untuk mengubah makna atau fungsi tatabahasa sesuatu perkataan manakala Nordquist (2019) menerangkan pengimbuhan merujuk kepada proses penambahan morfem pada kata dasar bagi membentuk perkataan dalam variasi berbeza atau mencipta makna baharu.

Bahasa aglutinatif sangat bergantung kepada proses pengimbuhan dalam pembentukan kata. Antara bahasa yang tergolong dalam kumpulan bahasa aglutinatif ini termasuklah bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Ini disokong oleh Ezzah (2015) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu secara asasnya bersifat aglutinatif dengan pengimbuhan sebagai komponen utama dalam pembentukan kata. Sebagai contoh, daripada kata dasar *sesuai*, pelbagai bentuk perkataan baharu dapat dihasilkan seperti *bersesuaian*, *menyesuaikan*, *disesuaikan*, *penyesuaian*, *kesesuaian* dan *sesuaikan* di mana setiap variasi mencerminkan perubahan makna tersendiri. Oleh kerana pengimbuhan merupakan aspek utama yang membezakan bahasa aglutinatif daripada bahasa lain, tidak menghairankan jika bahasa Jepun turut menggunakan proses serupa. Darlina (2018) menyatakan proses morfologi melalui pengimbuhan seperti penambahan awalan, akhiran dan sisipan menjadikan bahasa Jepun sebagai bahasa aglutinatif. Penambahan imbuhan seperti *-meru*, *-maru*, -

garu dan *-mu* yang kepada adjektif (*keiyōshi*) serta imbuhan *-suru* kepada kata kerja yang berasaskan kata nama (*noun verb*) ditambahkan mengikut susunan yang teratur, menunjukkan struktur morfologi yang kompleks.

Jika ditelusuri, proses pengimbuhan telah menjadi fokus utama dalam kajian morfologi kedua-dua bahasa kerana peranannya dalam pembentukan perkataan baharu dan pengayaan perbendaharaan kata. Bahasa Melayu menggunakan pelbagai proses dalam pengembangan leksikal, termasuk pengimbuhan, pemajmukan, reduplikasi dan peminjaman, dengan pengimbuhan sebagai proses yang paling produktif (Mukhtarova, 2024). Kageyama (2020) menerangkan bahawa disebabkan sifat aglutinatifnya, pembentukan perkataan baharu melibatkan pelbagai proses seperti pemajmukan, pengimbuhan, infleksi, pemendekan dan pengadunan dalam bahasa Jepun. Pengimbuhan memainkan peranan yang signifikan terutamanya dalam konteks penyerapan istilah daripada bahasa asing. Nagano & Shimada (2018) menyatakan bahawa bahasa Jepun mengadaptasi imbuhan asing ke dalam sistem morfologinya, suatu proses yang mencerminkan evolusi berterusan bahasa tersebut. Hasil kajiannya menunjukkan pengimbuhan mencipta perkataan baharu dan memperkayakan struktur dan perbendaharaan kata dalam bahasa Jepun.

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang mendalami proses pengimbuhan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun (Ezzah, 2015; Kageyama, 2020; dan Mukhtarova, 2024), kajian perbandingan mengenai pengimbuhan dalam kedua-dua bahasa masih belum memadai. Kebanyakan kajian lampau memberi tumpuan kepada analisis mendalam terhadap proses pengimbuhan dalam setiap bahasa secara berasingan tanpa menyediakan perbandingan komprehensif mengenai persamaan dan perbezaan struktur serta peranan imbuhan tersebut. Malah, kajian perbandingan lampau seperti yang telah dijalankan oleh Darlina (2018) hanya membandingkan mekanisme pengimbuhan dalam bahasa Jepun dengan bahasa Indonesia, tanpa merangkumi bahasa Melayu. Kajian-kajian ini masih tertumpu kepada analisis teori dan mekanisme pengimbuhan tanpa mengaitkannya dengan penggunaan praktikal dalam situasi sebenar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pendekatan analisis kontrastif dengan menganalisis data daripada teks akhbar dalam kedua-dua bahasa, dengan harapan dapat membuka perspektif baharu dalam memahami peranan imbuhan bagi mengembangkan dan memperkayakan perbendaharaan kata kedua-dua bahasa serta mengisi jurang kajian yang masih wujud.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kontrastif untuk mengkaji proses pengimbuhan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Data bahasa Melayu diperoleh daripada Berita Harian Online, manakala data bagi bahasa Jepun diperoleh daripada Yomiuri Shimbun Online, dengan topik artikel berkaitan bunga sakura. Artikel berkaitan bunga sakura dipilih kerana nilai budayanya yang mendalam bagi kedua-dua negara. Di Jepun, sakura bukan sekadar bunga, tetapi merupakan lambang kebangsaan yang sarat dengan makna. Salazar (2022) menjelaskan pokok sakura dianggap suci oleh masyarakat Jepun sehingga ia meresap dalam kehidupan harian mereka. Contohnya, terdapat Bank Sakura di Tokyo, sakura dijadikan nama bagi anak perempuan Jepun, syiling 100-yen memaparkan motif bunga sakura dan lagu ‘sakura sakura’ merupakan lagu pertama yang dipelajari oleh kanak-kanak. Selain itu, bagi masyarakat Jepun, bunga sakura melambangkan kefanaan hidup kerana ia hanya mekar selama satu atau dua minggu yang turut mencerminkan konsep ketidakkekalan segala benda (Salazar, 2022; Ye, 2015).

Di Malaysia, walaupun sakura bukan bunga asli, istilah ini sangat dikenali dan sering digunakan untuk merujuk kepada pokok tempatan seperti *Tecoma* atau *Tabebuia*, yang kadangkala dipanggil sebagai ‘Sakura Malaysia’. Seperti yang dinyatakan oleh Fong (2024), *tabebuia* kerap dijuluki ‘Sakura Malaysia’. Kajian ini menggunakan teks akhbar atas talian yang diterbitkan pada tahun 2021 sebagai sumber data utama untuk memahami perkembangan bahasa dan budaya masa ini. Pemilihan tahun tersebut memastikan bahan kajian adalah relevan, khususnya berkaitan dengan fenomena sakura. Berita Harian Online dipilih kerana reputasinya sebagai akhbar terkemuka di Malaysia yang mencerminkan komunikasi harian dan isu semasa, sementara Yomiuri Shimbun Online dipilih atas dasar koleksi artikelnya yang pelbagai, memudahkan analisis linguistik.

Penggunaan artikel-artikel tersebut juga memastikan kajian ini dapat menangkap penyesuaian bahasa dalam pelaporan berita. Chang & Rahim (2021) menjalankan analisis semantik berasaskan korpus terhadap laporan akhbar berbahasa Inggeris semasa pandemik COVID-19 dan mendapati artikel-artikel dari tahun 2021 memberikan gambaran yang jelas mengenai perubahan perbendaharaan kata, sintaksis dan ekspresi semantik yang dipacu oleh pandemik tersebut. Dapatan tersebut mengesahkan keberkesanan sumber akhbar dalam mengesan peralihan linguistik, sesuai dengan isu semasa. Pendekatan analisis kontrastif diterapkan sebagai pendekatan utama untuk melakukan perbandingan langsung berkaitan dengan imbuhan. Data daripada kedua-dua akhbar dikumpul secara sistematik, disusun ke dalam jadual dan dianalisis secara kualitatif. Hasil analisis dipersembahkan dalam bentuk carta pai untuk memudahkan pemahaman pembaca terhadap dapatan kajian, serta membolehkan perbandingan mendalam mengenai persamaan dan perbezaan dalam proses pembentukan kata.

3.1 Analisis Kontrastif

Pendekatan analisis kontrastif digunakan untuk membandingkan proses pengimbuhan dalam teks akhbar berbahasa Melayu dan Jepun. Kaedah yang sistematik ini membandingkan ciri linguistik dua atau lebih bahasa untuk membantu mengenal pasti persamaan dan perbezaan struktur morfologi (Al-Rickay, 2023), menyediakan kerangka analisis yang mendalam untuk memahami bahasa dengan lebih terperinci (Siddig et al. (2022)). Pendekatan analisis kontrastif digunakan untuk meneliti persamaan dan perbezaan proses pengimbuhan dalam teks akhbar bahasa Melayu dan Jepun. Analisis ini bukan sahaja mengenal pasti keunikan setiap bahasa, tetapi juga membina asas teori yang kukuh bagi memahami struktur morfologi kedua-duanya. Pendekatan analisis kontrastif telah banyak digunakan dalam kajian bahasa khususnya perbandingan antara bahasa-bahasa yang berbeza, seperti perbandingan mengenai bahasa Bugis dan Arab oleh Kassim et al. (2022) dan Siddig et al. (2022) mengkaji ciri-ciri utama dalam bahasa Inggeris dan Arab memberikan contoh aplikasi yang berkesan. Penggunaan metodologi ini membolehkan penelitian peranan imbuhan secara jelas, sistematik, mudah difahami, serta menyumbang kepada perkembangan linguistik perbandingan.

Dalam konteks kajian ini, analisis kontrastif bukan sahaja digunakan untuk memaparkan persamaan dan perbezaan malah berfungsi sebagai pendekatan bagi mentafsir data morfologi yang diperolehi. Perbandingan dibuat dengan meneliti bagaimana imbuhan membentuk makna, mengubah golongan kata dan memperluas penggunaan leksikal dalam wacana akhbar. Dengan memberi perhatian kepada penggunaan imbuhan dalam teks akhbar yang sebenar, kajian ini dapat menjelaskan sebab perbezaan struktur yang ditemui sama ada berpunca daripada sistem bahasa itu sendiri atau daripada kecenderungan gaya penulisan media. Pendekatan ini membolehkan dapatan dihuraikan secara tersusun dan berdasarkan penjelasan, bukan sekadar menyenaraikan perbezaan yang dikenal pasti. Secara tidak langsung, analisis ini memperkukuh pemahaman tentang fungsi pengimbuhan dalam kedua-dua bahasa dan menyumbang kepada perbincangan dalam kajian linguistik perbandingan.

4. Dapatan dan Analisis

4.1 Pengimbuhan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun

Bahasa Melayu memperkaya kosa kata melalui pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan, menurut Karim et al. (2024). Sebagai bahasa aglutinatif, ia membentuk perkataan baharu dengan menggabungkan morfem dasar dan imbuhan (awalan, sisipan atau akhiran) secara serentak. Proses yang bersifat derivatif ini membentuk perkataan baharu. Proses derivatif mengubah makna dan mengubah golongan kata serta menyuntik nuansa semantik berbeza pada perkataan asal. Dalam kajian Karim et al. (2024), perkataan *duda* yang merupakan kata nama, menjadi kata kerja terbitan apabila ditambah dengan awalan *men-* (*menduda*), menunjukkan proses penukaran golongan kata dan penyuntikan nuansa semantik. Perkataan *menduda* mengubah golongan kata bagi kata dasar dan membawa makna baharu iaitu *hidup sebagai duda*, yang memperkaya konteks semantik perkataan asal. Ahmad et al. (2024) menggambarkan pengimbuhan sebagai

proses memperkaya kata dasar, manakala Mohamed et al. (2023) menyatakan bahawa pengimbuhan melibatkan penggunaan awalan (contohnya *be-*), akhiran (contohnya *-kan*) serta gabungan awalan dan akhiran iaitu apitan (contohnya *me-...-kan*). Abdullah & Mosin (2017) menyatakan pengimbuhan bertujuan untuk membentuk kata terbitan bagi kata kerja dan kata nama, manakala morfem *ber-* berperanan dalam pembentukan kata kerja dan memberikan fungsi tatabahasa yang bersifat intransitif. Contohnya pengimbuhan kata dasar *serap*, membentuk pelbagai perkataan baharu: *menyerap*, *menyerapkan*, *diserapkan*, *menyerapi*, *diserapi*, *penyerap*, *penyerapan*, *terserap*, *terserapkan*, *serapan*, *keterserapan*, dan *kedayaserapan*.

Pengimbuhan berperanan dalam pembentukan kata dalam bahasa Jepun. Menurut Suralaga (2017), terdapat lima proses pembentukan kata dalam bahasa Jepun, salah satunya ialah afiksasi, proses penambahan bentuk terikat yang mengubah makna tatabahasa dengan menambah imbuhan di awal, tengah dan akhir perkataan. Selain itu, Machida, 1997; Momiyama 2003 dalam Suralaga, (2017) menyatakan afiksasi dikenali sebagai (*setsuji*) yang dibahagikan kepada dua kategori; prefiks (*settouji*) di hadapan morfem dan sufiks (*setsubiji*) di belakang morfem. Toushiyuki (1999) dalam Aryati (2018), menjelaskan afiks dalam bahasa Jepun merupakan morfem yang bukan perkataan dan terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu prefiks, sufiks dan infiks. Misalnya, morfem *sa* dalam *aosa* berfungsi sebagai sufiks, *ko* dalam *kogirai* dan *konikurai* sebagai prefiks, manakala afiks yang disisipkan di tengah perkataan dikenali sebagai infiks. Takamizawa (2004) mendapati pembentukan kata terbitan berlaku melalui penambahan imbuhan di awal dan akhir perkataan. Akimoto (2010) menekankan bahawa penggabungan imbuhan dengan kata dasar menghasilkan dua jenis kata terbitan. Pendekatan ini mencerminkan keunikan struktur morfologi yang tersendiri walaupun kedua-dua bahasa menggunakan pengimbuhan untuk membentuk kata.

4.2 Dapatan

Setiap bahasa mempunyai pendekatan yang unik dalam pembentukan kata. Dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun, yang bersifat aglutinatif, perkataan baharu dibentuk dengan menggabungkan morfem pada kata dasar dengan bantuan imbuhan. Kajian empirikal telah dijalankan dengan menganalisis dokumen rujukan untuk mengenal pasti peranan imbuhan seperti awalan, akhiran dan apitan dalam proses ini. Pendokumentasian ini menyediakan asas bagi analisis kontrastif manakala dapatan kajian mendedahkan pelbagai proses pengimbuhan dalam kedua-dua bahasa. Jadual-jadual di bawah menyimpulkan penemuan tersebut serta memberikan gambaran yang jelas untuk menyokong analisis seterusnya.

4.2.1 Imbuhan awalan

Jadual 1

Contoh Imbuhan Awalan Bahasa Melayu

Imbuhan Awalan		
Perkataan		Struktur asal perkataan
Contoh	Golongan kata	
bergambar	KK	ber + KN
sekitar	KN	se + KN
berbunga	KK	ber + KN
pelancong	KN	pe + KN
dilihat	KKP	di + KK
menjadi	KK	men + KK
bermusim	KK	ber + KN
berdepan	KK	ber + KN
pengarah	KN	peng + KK
berkata	KK	ber + KN
berkuasa	KK	ber + KN
menerima	KK	men + KK
menarik	KK	men + KK

berkunjung	KK	ber + KK
berselerak	KA	ber + KA
berskala	KA	ber + KN
pelbagai	KA	pel + KA
mengulas	KK	meng + KN
dipilih	KKP	di + KK
ditanam	KKP	di + KK
menanam	KK	men + KK
merangka	KK	me + KN
membantu	KK	mem + KK
tercapai	KKP	ter + KK
merujuk	KK	me + KK
bermaksud	KK	ber + KN
dipanggil	KKP	di + KK
digelar	KKP	di + KK

Jadual 2*Contoh Imbuhan Awalan Bahasa Jepun*

Imbuhan Awalan				
Perkataan				Struktur asal perkataan
Contoh	Bacaan	Makna	Golongan kata	
おうち	<i>Ouchi</i>	rumah	KK	お + KN
お客さん	<i>Okyakusan</i>	pelanggan	KN	お + KN

4.1.2 Imbuhan Akhiran

Jadual 3*Contoh Imbuhan Akhiran Bahasa Melayu*

Imbuhan Awalan		
Perkataan		Struktur asal perkataan
Contoh	Golongan kata	
hadapan	KN	KN + an
tarikan	KN	KK + an
tempatan	KA	KN + an
sambutan	KN	KK + an
teduhan	KN	KA + an
bahagian	KN	KK + an

Jadual 4*Contoh Imbuhan Akhiran Bahasa Jepun*

Imbuhan Akhiran					
Perkataan					Struktur asal perkataan
Contoh	Bacaan	Makna asal	Makna baharu	Golongan kata	
実現 する	jitsugen	wujud/realisasi	mewujudkan/ merealisasikan	KK	実現 (KN) + する
	suru	melakukan			
撮影	satsuei	penggambaran/ /rakaman	telah melakukan penggambaran/	KK	撮影 (KN) + した

した	shita	telah melakukan	telah melakukan rakaman		
公開 した	koukai	membuka kepada umum/terbit	telah membukakan/ telah menerbitkan	KK	公開 (KN) + した
	shita	telah melakukan			
紹介 しよう	shoukai	pengenalan	mari perkenalkan/ jom perkenalkan	KK	紹介 (KN) + しよう
	shiyou	mari/jom			
提案 する	teian	cadangan/usul	mencadangkan/ mengusulkan	KK	提案 (KN) + する
	suru	melakukan			
運営 する	unei	pengurusan/ pentadbiran	menguruskan/ mentadbirkan	KK	運営 (KN) + する
	suru	melakukan			

4.1.3 Imbuhan Apitan

Jadual 5


Contoh Imbuhan Apitan Bahasa Melayu

Imbuhan Apitan		
Perkataan		Struktur asal perkataan
Contoh	Golongan kata	
pelancongan	KN	pe + KN + an
melepaskan	KK	me + KA + kan
dikenali	KKP	di + KK + i
diketengahkan	KKP	dike + KA + kan
disebabkan	KKP	di + KN + kan
kelebihan	KN	ke + KA + an
penanaman	KN	pe + KK + an
digalakkan	KKP	di + KK + kan
menjadikan	KK	men + KK + kan
dilaksanakan	KKP	di + KK + kan
menggalakkan	KK	meng + KK + kan
bertepatan	KK	ber + KA + an
mengindahkan	KK	meng + KA + kan
perancangan	KN	pe + KK + an
membabitkan	KK	mem + KK + kan
menyediakan	KK	meny + KK + kan
keseluruhan	KK	ke + KA + an
kelihatan	KK	ke + KK + an
dibangunkan	KKP	di + KK + kan
diindahkan	KKP	di + KA + kan
dinikmati	KKP	di + KA + i
dilancarkan	KKP	di + KA + kan
menurunkan	KK	men + KK + kan
mengurangkan	KK	meng + KA + kan
pemanasan	KN	pem + KA + an
mempunyai	KK	mem + KK + i
keindahan	KN	ke + KA + an
mencantikkan	KK	men + KA + kan
memastikan	KK	mem + KA + kan
memerlukan	KK	mem + KA + kan

4.2 Taburan Pengimbuhan

Berdasarkan data dalam Bahagian 4.1, analisis mendalam telah dijalankan untuk menilai kekerapan proses pengimbuhan dalam kedua-dua bahasa yang dikaji. Kajian ini memfokuskan kepada pelbagai jenis imbuhan iaitu awalan, akhiran dan apitan berdasarkan analisis teks akhbar. Kekerapan setiap jenis imbuhan disampaikan dalam bentuk peratusan, memberikan gambaran kuantitatif dapatan kajian. Hasil analisis dipersembahkan dalam bentuk carta untuk memperjelas taburan dan corak data yang diperoleh yang menggambarkan kadar penggunaan setiap proses pengimbuhan serta menonjolkan persamaan dan perbezaan yang ketara dalam kedua-dua bahasa. Analisis awal menunjukkan bahasa Melayu cenderung menggunakan imbuhan apitan dengan lebih kerap dalam membentuk perkataan baharu, manakala bahasa Jepun menunjukkan kecenderungan yang lebih tinggi terhadap imbuhan akhiran.

4.2.1 Imbuhan Awalan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun




Proses pengimbuhan merupakan komponen penting dalam pembentukan perkataan baharu bahasa aglutinatif. Data menunjukkan bahasa Melayu memberi penekanan yang signifikan terhadap pengimbuhan awalan. Kajian mendapati pengimbuhan awalan mencatat sebanyak 44% (28 daripada 64 perkataan) seperti dalam Carta 1. Pengimbuhan awalan pada kata dasar kerap digunakan dalam menyumbang kepada kekayaan leksikon bahasa Melayu.


Dalam konteks bahasa Jepun, analisis menunjukkan 25% daripada perkataan yang dianalisis (2 perkataan daripada 8 perkataan) dihasilkan melalui pengimbuhan awalan pada kata dasar (Carta 2). Walaupun peratusan ini lebih rendah berbanding bahasa Melayu, pengimbuhan awalan tetap memainkan peranan dalam proses pembentukan kata dalam bahasa Jepun. Proses pengimbuhan awalan pada kata dasar merupakan mekanisme produktif dalam penciptaan perkataan baharu, meskipun kebergantungan terhadapnya kurang dominan, selari dengan perbezaan struktur morfologinya antara bahasa Melayu dengan bahasa Jepun.

4.2.2 Imbuhan Akhiran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun

Carta 2: Proses Pengimbuhan yang terdapat dalam Bahasa Jepun




Carta 3: Proses Pengimbuhan yang terdapat dalam Bahasa Melayu



Data kajian menunjukkan penggunaan imbuhan akhiran dalam bahasa Melayu agak rendah, hanya menyumbang kira-kira 9% daripada jumlah keseluruhan perkataan yang dianalisis (6 perkataan daripada 64 perkataan). Walaupun peratusan ini lebih kecil berbanding pengimbuhan awalan, pengimbuhan akhiran tetap memainkan peranan penting dalam pembentukan perkataan baharu, khususnya dalam penambahan makna gramatikal dan semantik pada kata dasar.

Sebaliknya dalam bahasa Jepun, pengimbuhan akhiran merupakan salah satu proses utama pembentukan perkataan kata. Data menunjukkan kira-kira 75% daripada perkataan yang dianalisis (6 perkataan daripada 8 perkataan) dihasilkan melalui pengimbuhan akhiran. Peratusan yang tinggi ini menekankan peranan penting pengimbuhan akhiran dalam morfologi bahasa Jepun serta menggambarkan ciri unik struktur bahasanya. Perbandingan ini memberikan gambaran tentang perbezaan proses linguistik antara kedua-dua bahasa dalam konteks pembentukan kata.


4.2.3 Imbuhan Apitan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun



Berdasarkan analisis data, pengimbuhan apitan didapati merupakan mekanisme yang sangat produktif dalam pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Data menunjukkan 47% iaitu 30 perkataan daripada 64 perkataan dibentuk melalui pengimbuhan apitan pada kata dasar. Proses ini melibatkan penambahan imbuhan awalan atau imbuhan akhiran secara berasingan, dan penggabungan kedua-duanya yang menyumbang kepada kekayaan leksikal bahasa Melayu. Sebaliknya, analisis terhadap bahasa Jepun mendedahkan ketiadaan penggunaan imbuhan apitan. Daripada 8 perkataan yang dianalisis, tiada satu pun perkataan yang terbentuk melalui proses tersebut. Perbezaan ini mencerminkan struktur morfologi yang mendasari kedua-dua bahasa, di mana bahasa Jepun tidak mengadaptasi mekanisme pengimbuhan apitan dalam pembentukan kata.

4.3 Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan analisis data kajian yang telah dikumpul, perbandingan mendalam mengenai imbuhan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun telah dijalankan. Dapatan dalam Carta 5 memberikan gambaran jelas mengenai persamaan dan perbezaan dalam proses pengimbuhan serta kekerapan penggunaannya dalam kedua-dua bahasa. Analisis menunjukkan terdapat proses pengimbuhan yang saling dikongsi dan terdapat juga proses pengimbuhan yang eksklusif untuk salah satu bahasa sahaja.



Bahasa Melayu dan bahasa Jepun, masing-masing memanfaatkan proses pengimbuhan, khususnya melalui imbuhan awalan dan imbuhan akhiran dalam pembentukan kata untuk memperkaya perbendaharaan kata. Berdasarkan analisis, kedua-dua bahasa mengaplikasikan imbuhan tersebut dalam membentuk perkataan baharu. Contohnya, dalam bahasa Melayu, 44% perkataan dibentuk melalui pengimbuhan awalan, manakala 9% melalui pengimbuhan akhiran. Sebaliknya, dalam bahasa Jepun, 25% perkataan dihasilkan melalui pengimbuhan awalan, sementara 75% melalui pengimbuhan akhiran. Data ini menunjukkan kedua-dua bahasa menggunakan pengimbuhan awalan dan akhiran sebagai mekanisme dalam pembentukan kata.

Walaupun kedua-dua bahasa menggunakan proses pengimbuhan, cara pengaplikasiannya berbeza. Bahasa Melayu memanfaatkan proses pengimbuhan dengan lebih meluas dalam pembentukan kata. Data kajian menunjukkan 64 perkataan bahasa Melayu yang dibentuk melalui proses pengimbuhan, manakala hanya 8 dalam bahasa Jepun. Tambahan pula, pengimbuhan apitan yang eksklusif dalam bahasa Melayu menyumbang 47% perkataan, sebaliknya proses ini tidak berlaku dalam bahasa Jepun. Bahasa Melayu secara sistematik menerapkan imbuhan awalan, akhiran dan apitan, dengan setiap pengimbuhan memainkan peranan tersendiri serta konsisten sebagai bahasa aglutinatif. Kendatipun bahasa Jepun mengandungi elemen aglutinatif, proses pengimbuhan dalam pembentukan perkataan baharu adalah kurang produktif berbanding dengan bahasa Melayu.

Perbezaan proses pengimbuhan antara bahasa Melayu dan bahasa Jepun mencerminkan ciri linguistik unik kedua-dua bahasa. Sistem pengimbuhan bahasa Melayu yang luas dan produktif membolehkan pembentukan perkataan melalui awalan, akhiran serta apitan pada kata dasar. Sebagai contoh, awalan *ter-* dalam *tercapai* (rujuk Jadual 1, baris ke-24) menghasilkan kata kerja pasif, manakala *ber-* dalam *berbunga* (rujuk Jadual 1, baris ke-3) mengubah kata nama kepada kata kerja. Kajian Karim et al. (2024) menunjukkan awalan *ter-* digunakan secara meluas dalam membentuk kata kerja pasif seperti *terlanggar*, *terminum*, *terpijak* dan *tertelan*. Tambahan pula, disebabkan perkataan *tercapai* bermaksud *telah dicapai* mencerminkan salah satu fungsi *ter-* yang memberi pengertian dalam keadaan *tersedia*. Selain itu, penukaran kata nama kepada kata kerja melalui penambahan awalan *ber-* pada kata dasar, yang menyokong kajian Karim et al. (2024) yang membuktikan pembentukan kata kerja boleh melibatkan pelbagai jenis kata termasuk kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Analisis menunjukkan perkataan *berbunga* menggambarkan pengimbuhan awalan yang digabungkan dengan kata nama *bunga* menghasilkan kerja baharu yang bermaksud *mengeluarkan bunga*, mengesahkan bahawa percantuman awalan *ber-* dengan kata dasar tertentu boleh membawa pengertian *menghasilkan*, *melahirkan* atau *mengeluarkan sesuatu*.

Pengimbuhan akhiran membentuk perkataan baharu dalam bahasa Melayu dan berfungsi sebagai alat mengubah golongan kata. Contohnya, akhiran *-an* dalam *sambutan* (rujuk Jadual 3, baris ke-4) mengubah kata kerja kepada kata nama, manakala penggunaan yang sama dalam *teduhan* (Jadual 3, baris

ke-5) mengubah kata adjektif kepada kata nama. Fenomena ini dengan menjelaskan bahawa penggabungan akhiran *-an* dengan kata nama dan kata kerja dapat menghasilkan makna yang merujuk kepada tindakan atau hasil daripada tindakan yang terkandung dalam kata dasar tersebut. Oleh itu, *sambut* merupakan kata kerja, pengimbuhan akhiran *-an* kepada kata dasar menghasilkan *sambutan*, yang bermaksud *menyambut perayaan*. Begitu juga, bagi transformasi kata adjektif kepada kata nama, penambahan akhiran *-an* kepada kata dasar daripada golongan kata adjektif menghasilkan makna yang menggambarkan sifat atau keadaan kata dasar tersebut. Disebabkan *teduh* merupakan kata adjektif, penggabungan akhiran *-an* menghasilkan perkataan baharu *teduhan* menggambarkan sesuatu yang mempunyai sifat teduh.

Dalam konteks morfologi bahasa Melayu, penerapan apitan *ke-.....-an* dalam pembentukan perkataan *keindahan* (rujuk Jadual 5, baris ke-27) menunjukkan kata nama boleh dihasilkan daripada kata adjektif. Sebaliknya, penggunaan imbuhan *men-.....-kan* dalam perkataan *mencantikkan* (rujuk Jadual 5 baris, ke-28) mengubah kata adjektif menjadi kata kerja transitif yang mempamerkan makna kausatif. Perubahan golongan kata daripada kata adjektif kepada kata nama melalui apitan *ke-.....-an* melibatkan penggabungan kata kerja, kata adjektif dan kata nama dapat menyampaikan nuansa keadaan yang terkandung dalam kata dasar. Misalnya, pembentukan *keindahan* daripada kata dasar *indah* menekankan bahawa apitan *ke-.....-an* mengubah golongan kata tanpa mengubah makna asal kata dasar yang merujuk perihal indah. Karim et al. (2024) menerangkan penerapan apitan *men-....-kan* pada kata dasar daripada golongan kata nama, kata adjektif, kata kerja dan kata tugas, berpotensi membentuk kata kerja transitif yang membawa maksud kausatif atau maksud menyebabkan. Contohnya, pembentukan perkataan *mencantikkan* daripada kata dasar *cantik* melalui penggabungan apitan *men-....-kan* menghasilkan kata kerja transitif bernuansa kausatif iaitu *menyebabkan cantik*. Dapatan kajian membuktikan produktiviti pengimbuhan untuk mengembangkan perbendaharaan kata bahasa Melayu yang memperluaskan makna, dan meningkatkan keupayaan dalam menyampaikan nuansa makna yang mendalam.

Sebaliknya, dalam bahasa Jepun, pengimbuhan lebih terbatas dan fungsi khususnya dalam aspek formaliti dan penukaran fungsi kata. Pengimbuhan kurang produktif terbukti melalui penggunaan imbuhan awalan *o-*, yang berperanan meningkatkan kesopanan pada perkataan. Menurut Vance (1993) dalam Aryati (2018), terdapat beberapa prefiks (*settouji*) lazim dalam bahasa Jepun seperti お[o], ご[go], 総[sho], 再[sai], 新[shin], 大[dai], 不[fu], 全[zen], 非[hi], 各[kaku], 旧[kyuu], 女[me], 真[ma], 末[mi], 無[mu] serta 超[chou]. Data menunjukkan awalan *o-* muncul dalam perkataan *ouchi* (rujuk Jadual 2, baris 1) disebabkan *uchi*, bererti rumah merupakan perkataan asli Jepun yakni *wago*. Contoh lain ialah *okyakusan* (rujuk Jadual 2, baris 3) yang kata dasarnya iaitu *kyakusan* yang berasal dari bahasa Cina yakni *kango*, penggunaan awalan *o-* tetap diterima untuk membentuk variasi perkataan yang lebih sopan. Rahayu (2018) mendapati penggunaan awalan *o-* digunakan untuk perkataan yang disebut mengikut kaedah sebutan *wago* (kaedah sebutan bahasa Jepun). Robihim et al. (2021) menyatakan perkataan yang berasal dari bahasa Cina (*kango*) kerap menggunakan prefiks *o-*, terutamanya bagi perkataan yang sering digunakan dalam kehidupan harian. Oleh kerana perkataan *kyakusan* mendukung makna *pelanggan* dan digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian. Penggunaan awalan *o-* dalam dalam perkataan membuktikan kewujudan penyesuaian linguistik. Pengimbuhan dengan awalan *o-* tidak mengubah makna asal tetapi memberikan sentuhan kesopanan seiring norma budaya dan tatabahasa bahasa Jepun.

Pengimbuhan awalan *o-* menambah kesopanan tanpa mengubah makna, manakala penukaran fungsi kata dapat dilihat melalui imbuhan akhiran *-suru* dan *-shita* (kala lepas bagi *-suru*, seperti pada *jitsugen suru* (実現する) dan *satsuei shita* (撮影した). Imbuhan ini mengubah kata nama kepada kata kerja atau memberi nuansa tindakan tanpa mengubah makna asal, iaitu konsep *verbal noun* dalam bahasa Jepun. Buktinya, kata nama *jitsugen* yang asalnya bermakna wujud atau realisasi akan berubah kepada *mewujudkan* atau *merealisasikan* apabila digabungkan dengan *suru/する*. Kata nama *satsuei* (撮影) yang bermakna penggambaran atau rakaman menjadi lebih dinamik dengan penggabungan *shita* (した), menandakan penggambaran atau rakaman telah dijalankan. Oshima & Hayashi (2020) menyokong konsep *verbal noun* dalam bahasa Jepun dengan menunjukkan bahawa penggabungan kata kerja *suru* する

menghasilkan frasa kata kerja. Contohnya, *chousa* (調査) yang bermaksud *penyelidikan* apabila digabungkan dengan *suru* (する) atau dalam bentuk lampaunya *shita* (した) menghasilkan *choosa shita* yang bermaksud *telah menyiasat*. Imbuan akhiran memainkan peranan penting dalam mengubah kata nama kepada kata kerja, mengekalkan makna asal serta menyuntik nuansa tindakan untuk mencerminkan keunikan mekanisme pengimbuhan dalam bahasa Jepun. Dapatan menunjukkan pengimbuhan dalam bahasa Jepun memberi variasi formal dan makna tindakan, tetapi tidak menghasilkan perkataan baharu dengan dinamik yang sama seperti dalam bahasa Melayu yang mempunyai peranan yang lebih signifikan.

Secara teori, analisis kajian ini memperjelas perbezaan asas dalam produktiviti morfologi dan peranan imbuan dalam bahasa Melayu serta bahasa Jepun. Bahasa Melayu memperlihatkan sistem pengimbuhan yang produktif kerana imbuan berfungsi secara konsisten dalam membentuk perkataan baharu dan menukar golongan kata, sekali gus memperluas perbendaharaan kata. Sebaliknya, dalam bahasa Jepun, imbuan tertentu seperti awalan *o-* yang berkait dengan sistem *keigo* lebih menonjol sebagai penanda kesopanan dan hubungan sosial antara penutur berbanding sebagai mekanisme pembentukan kata baharu. Perbezaan ini menunjukkan bahawa analisis morfologi perlu mempertimbangkan bukan sahaja struktur bahasa tetapi juga fungsi sosial dan konteks penggunaan bahasa.

Dari aspek pedagogi, analisis kajian ini menunjukkan keperluan pendekatan pengajaran yang berbeza bagi kedua-dua bahasa. Bagi pengajaran bahasa Melayu, fokus boleh diberikan berkaitan sistem pengimbuhan sebagai alat pembentukan kata dan peluasan makna. Bagi pembelajaran bahasa Jepun pula, pengajaran perlu menekankan kepekaan terhadap konteks komunikasi terutamanya dalam penggunaan bentuk bahasa yang mencerminkan tahap kesopanan. Pendekatan perbandingan antara kedua-dua bahasa dapat membantu pelajar mengaitkan fungsi imbuan dengan situasi komunikasi sebenar sekali gus meningkatkan kecekapan linguistik dan pragmatik.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya menghasilkan data berkaitan proses pengimbuhan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun melalui analisis kontrastif, sekali gus mencapai objektif kajian. Pertama, kajian ini berjaya mengenal pasti persamaan dan perbezaan proses pengimbuhan dalam kedua-dua bahasa; bahasa Melayu menggunakan imbuan awalan, akhiran dan apitan secara produktif, manakala bahasa Jepun kurang produktif serta tidak menggunakan imbuan apitan. Kedua, kajian ini telah memberikan pencerahan mengenai peranan penting imbuan dalam memperluas perbendaharaan kata. Tamsilnya, dalam bahasa Melayu, imbuan awalan seperti *ter-* memberikan nuansa pasif, imbuan akhiran seperti *-an* dapat mengubah golongan kata asal kepada kata nama dan imbuan apitan seperti *ke-...-an* mengubah golongan kata kepada kata nama; manakala dalam bahasa Jepun, imbuan awalan *o-* memberikan makna sopan kepada kata dasar serta imbuan akhiran *-suru* mengubah kata nama menjadi kata kerja.

Walaupun kajian ini memberikan gambaran komprehensif mengenai proses pengimbuhan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun, terdapat beberapa batasan yang perlu dipertimbangkan. Pertama, data hanya terhad kepada dua akhbar yang tidak mencerminkan keragaman penggunaan imbuan dalam karya penulisan sepenuhnya. Kedua, kajian ini hanya memfokuskan aspek pengimbuhan, tanpa meneroka proses lain seperti pemajmukan atau penggandaan yang penting dalam morfologi kedua-dua bahasa. Ketiga, pendekatan perbandingan dalam kajian ini bersifat dangkal disebabkan hanya meneliti persamaan dan perbezaan proses pengimbuhan antara bahasa Melayu dan bahasa Jepun, mengabaikan faktor lain, amalnya faktor sejarah, yang menjelaskan pola tersebut.

Meskipun terdapat batasan, kajian ini berupaya meningkatkan pemahaman tentang proses pengimbuhan yang mempengaruhi perkembangan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Hasil kajian berfaedah kepada ahli linguistik, pengajar dan pelajar yang berminat untuk mendalami struktur morfologi kedua-dua bahasa. Selain itu, kajian ini berpotensi menjadi rujukan bagi kajian perbandingan bahasa aglutinatif lain, khususnya dalam konteks pengimbuhan. Dari perspektif pengajaran

bahasa, kajian ini boleh dijadikan dasar dalam merangka kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan pelajar dalam aspek pemerolehan perbendaharaan kata. Pengkaji berhasrat untuk memperluaskan skop kajian dengan meneliti aspek-aspek morfologi lain seperti pemajmukan dan penggandaan, yang memainkan peranan penting dalam pembentukan kata serta makna baharu pada masa akan datang. Pendekatan ini berpotensi memperkayakan dapatan kajian yang sedia ada dengan menyediakan perspektif yang lebih luas mengenai produktiviti proses morfologi dan mengatasi kekangan kajian semasa serta mengisi jurang dalam kajian linguistik perbandingan sambil menyumbang kepada perkembangan kajian morfologi dan linguistik perbandingan.

Berdasarkan dapatan dan batasan kajian, kajian lanjutan disarankan dengan melibatkan sumber data yang pelbagai sama ada bertulis mahupun lisan bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang variasi dan tahap produktiviti imbuhan dalam penggunaan sebenar. Kajian juga wajar memberi tumpuan kepada peranan imbuhan dalam perubahan golongan kata dan pembentukan makna serta tidak terhad kepada perbandingan dari segi kewujudan imbuhan antara bahasa semata-mata. Perbandingan dengan bahasa aglutinatif lain pula berpotensi menentukan sama ada pola yang dikenal pasti bersifat khusus kepada bahasa Melayu dan bahasa Jepun atau turut berlaku dalam bahasa lain yang mempunyai ciri serupa. Lebih-lebih lagi, analisis terhadap penggunaan imbuhan dalam situasi komunikasi formal seperti perkhidmatan pelanggan dan ucapan rasmi dapat menghubungkan dapatan teori dengan penggunaan bahasa di dunia nyata.

Rujukan

- Abdullah, M. N. A., & Mosin, M. (2017). Geo-Linguistik Bahasa Melayu dan Mikro-Sistem Pembentukan Kata Kerja Berimbuhan Awalan Ber-, Apitan Ber-...-An Dan Ber-...-Kan. *Jurnal Ilmi*, 7, 19–34.
- Al-Rickaby, A. (2023). The Survival of Contrastive Analysis Hypothesis: A Look Under the Hood. *Theory and Practice in Language Studies*, 13(1), 1–7. <https://doi.org/10.17507/tpls.1301.01>.
- Aryati, U. (2018). Analisis Penggunaan Prefiks Ma~, Dai, dan Chou~ dalam Bahasa Jepang. Tesis Sarjana Sastra Jepang, Sekolah Tinggi Bahasa Asing JIA.
- Chang, L. X., & Rahim, H. A. (2021). From Positive to Death: A Corpus-Based Semantic Analysis of COVID-19 Representation in Malaysian English News Reports. *3L: Language, Linguistics, Literature® The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 27(4). <https://doi.org/10.17576/3L-2021-2704-02>.
- Darlina, L. (2018). Derivational Affixes in Japanese and Indonesian (The Study of Linguistic Typology). *Journal of Applied Studies in Language*, 2(1), 35–43. <https://doi.org/10.31940/jasl.v2i1.813>
- Editor Berita Harian. (2021). *Berita Harian Online*, 29 Mac 2021.
- Febrian, G., Novitasari, U., & Hidayat, A. (2022). Agglutinative language in Bahasa Indonesia. *LADU Journal of Languages and Education*, 2(4), 135–141. <https://alejournal.com/index.php/ladu/article/view/95>.
- Fong, F. (2024, April 3). Kota Kinabalu's Tabebuia Trees: Malaysia's Answer to Japan's Sakura Season. *The Rakyat Post*. https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2024/04/03/kota-kinabalus-tabebuia-trees_malaysias-answer-to-japans-sakura-season/
- Kageyama, T. (2020). Morphology in Japonic Languages. *Oxford Research Encyclopaedia of Linguistics*. <https://oxfordre.com/linguistics/view/10.1093/acrefore/9780199384655.001.0001/acrefore-9780199384655-e-538>.
- Kasim, A., Nawas, K.A., Tahir, S.Z., Yusriadi, Y., & Gheisari, A. (2022). Bugis and Arabic Morphology: A Contrastive Analysis. *Education Research International*, 2022. <https://doi.org/10.1155/2022/9031458>
- Mohamed, M. M., Yap, M. J., Chee, Q. W., & Jared, D. (2023). Malay Lexicon Project 2: Morphology in Malay Word Recognition. *Memory & Cognition*, 51(3), 647–665. <https://doi.org/10.3758/s13421-022-01337-8>.
- Mukhtarova, M. (2024). Word-formation of the Malay language. *International Journal of Artificial Intelligence*, 4(10), 296–298. <https://www.academicpublishers.org/journals/index.php/ijai/article/view/1941/3027>
- Nagano, A., & Shimada, M. (2018). Affix Borrowing and Structural Borrowing in Japanese Word-Formation. *SKASE Journal of Theoretical Linguistics*, 15(2), 60–84. http://www.skase.sk/Volumes/JTL37/pdf_doc/04.pdf.
- Nasrudin, E. A. B. (2015). Pembentukan Kata Turunan, Majmuk, dan Ganda dari Sudut Morfologi dalam Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Karim, N. S., Onn, F., Musa, H. & Mahmood, A. H. (2024). Tatabahasa. Dewan Edisi Ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, N. D., Bahar, N., Rashid, F. N., & Shahuddin, A. Z. (2024). A Morphological Analysis of the Malay

- Translated Qur'an Corpus. *Journal Information and Technology Management (JISTM)*, 8(33).
<https://Gaexcellence.Com/Jistm/Article/View/2732>.
- Hasanah Adon, Rozita Che Rodi, Rohaidah Kamaruddin & Zuraini Jusoh. (2025) . Kesalahan Morfologi Golongan Kata: Satu Tinjauan Terhadap Pelajar Cina dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* . 29 (1), 14-32.
- Nordquist, R. (2019). Making New Words with Affixation. Thought Co. <https://www.thoughtco.com/what-is-affixation-words-1688976>
- Nur Nabilah Syakirah Mat Usuf & Normalis Amzah. (2025) Perbandingan Terjemahan Partikel Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu Dalam Novel 'Sekai Kara Neko Ga Kieta Nara'. *Jurnal Linguistik*,. 29 (2), 167-187.
- Ong, S.N., & Hamzah, Z. A. (2018). Analisis Kontrastif Pengandaian Penuh dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 8, 1-15.
- Oshima, D. Y., & Hayashi, M. (2020). Redefining Verbal Nouns in Japanese: From the Perspective of Polycategoriality. *Pacific Asia Conference on Language, Information and Computation*.
- Robihim, R., Permatasari, K. M., & Harun, Y. (2021). Etika Berbahasa Masyarakat Jepang dan Hubungannya Dengan Pemakaian Bikago dalam Kalimat. *IDEA: Jurnal Studi Jepang*, 3(1), 56-67.
- Salazar, G. M. (2022). The cherry blossom and its influence on Japanese culture. *Japanese Society and Culture*, 4. <https://doi.org/10.52882/2434-1738-04-12>.
- Siddig, O. A., Siddig, B. E., & Elmahi, A. (2022). Contrastive analysis of the most relevant features of the English and Arabic languages. *Journal of Positive School Psychology*, 6(7), 4198-4210.
- Suralaga, A. M. (2017). Proses Morfofonologi Afiksasi Dalam Bahasa Jepang. Tesis Program Studi Sastra Jepang, Universitas Brawijaya
- Takamizawa, H. (2004). New Beginner's Japanese Language Education 1: Basic Knowledge of Japanese Language Education. Ask
- Toluspayeva, D., Shubina, O., Apshe, K., Shukan, A., Nurguzhina, G., & Mirambaevna, A. B. (2024). Affixation in Morphological Word Formation and Construction of Lexemes in the English and Kazakh Languages. *International Journal of Society, Culture & Language*, 12(1), 326-336. <https://doi.org/10.22034/ijsc12024.2019058.3318>.
- Triasih, R. E. (2018). Japanese Honorific Language in Various Domains. *Proceedings of the Fourth Prasasti International Seminar on Linguistics (Prasasti 2018)* (25-34). <https://10.2991/prasasti-18.2018.5>.
- Uni, K., & Miller, P.C. (2018). Explicit Demonstration of Cross-Linguistic Similarities in Teaching Japanese Kanji to Malaysian University Students. *Journal of Second Language Teaching and Research*, 6(1), 77-108. <https://pops.uclan.ac.uk/index.php/jsltr/article/download/527/192>
- Unubi, S. A., & Yusuf, S. (2017). Selected derivational morphological processes in English, Hausa, Igala, and some other languages of the world. *World Wide Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 3(12), 425-439.
- Van Goethem, K. (2020). Affixation in morphology. Dalam R. Lieber (Ed.), *Oxford Research Encyclopaedia of Linguistics*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780199384655.013.678>.
- Ye, H. (2015). A Symbol Becomes the Culture: Reinventing Japanese Cherry Blossoms.
- Yomiuri Shimbun. (2021, March 29). 「おうち花見」が人気...自宅で咲かせる鉢植えの桜、去年の2倍の売れ行き ('Ouchi Hanami' Gaining Popularity - Sales of Potted Cherry Blossoms Double from Last Year). Yomiuri Shimbun. <https://www.yomiuri.co.jp/economy/20210329-OYTIT50084/>.

Biodata Penulis

Muhammad Azri Hafifi Mohd Zaludin merupakan guru bahasa Jepun di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau aktif dalam penyelidikan, inovasi serta pengajaran aktiviti berkaitan budaya Jepun di Universiti Malaysia Kelantan.

Ong Shyi Nian, PhD merupakan pensyarah dan penyelidik dalam bahasa Jepun di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Kajian beliau banyak tertumpu kepada morfologi, pemerolehan bahasa kedua, linguistik perbandingan, kajian terjemahan serta bahasa Jepun sebagai bahasa asing.

Komalata Manokaran merupakan pelajar Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang menjalankan penyelidikan dalam bidang morfologi. Penyelidikan PhD beliau memfokuskan analisis morfologi bahasa Baba Nyonya.

Apendiks 1: Berita Harian, 29 Mac 2021.



Isnin, 29 Mac 2021, 2:42pm

App Store Google Play Facebook Twitter Instagram YouTube

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

'Sakura Malaysia' produk pelancongan baharu negara

Iliah Hafiz Aziz • Mac 29, 2021 @ 9:42am
iliahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

WhatsApp Facebook Twitter LinkedIn +



Warga kota tidak melepaskan peluang bergambar bersama pokok tecoma di sekitar pinggir Jalan Batu Muda, Kuala Lumpur. - Foto BERNAMA

MINI SO LIFE IS FOR FUN MINISO Click to Shop

TERKINI PULIHAN PEMBACA

- 6m [Bintang Cageman meninggal dunia](#)
- 10m [Permulaan mengecewakan Rossi, Morbidelli pada GP Qatar](#)
- 12m [Mahkamah ketepi hukuman penjara wanita hina polis](#)
- 14m [Kapal kontena Ever Given mula bergerak di Terusan Suez](#)
- 26m [Sekutu Suu Kyi mahu hak sama untuk umat Islam Rohingya](#)
- 35m [Kanak-kanak terapung di laut lebih 5 jam](#)
- 37m [Vaksin COVID-19: Pekerja industri di kawasan merah diberi tumpuan](#)

KUALA LUMPUR: Pokok tecoma berbunga putih serta merah jambu dan dikenali sebagai 'sakura Malaysia' bakal diketengahkan sebagai produk pelancongan baharu negara pada masa hadapan.

Pokok tecoma atau nama saintifiknya 'tabebuia pentaphylla' dilihat mampu menjadi tarikan pelancong luar dan dalam negara disebabkan ia hanya muncul secara 'bermusim', ketika Malaysia berdepan cuaca panas, sekitar Mac dan April setiap tahun.

Ia juga bakal diketengahkan kerana kelebihan 'insta-worthy' seperti beberapa lokasi di luar negara contohnya di Shinjuku Gyoen di Jepun; Central Park, Amerika Syarikat (AS) serta Keukenhof, Belanda.

Ketua Pengarah Landskap Negara, Rotina Mohd Daik, berkata ketika ini usaha penanaman pokok tecoma oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) digalakkan kerana menerima sambutan baik oleh orang ramai.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Jepun batalkan pesta bunga sakura angkara COVID-19](#)
- [Bunga sakura Kedah ubah pemandangan Alor Setar](#)
- [Izzudin gembira berbudi pada tanah](#)

www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/801337/sakura-malaysia-produk-pelancongan-baharu-negara

44m [Lampu hijau untuk hospital swasta beli vaksin](#)



VAKSIN



NASIONAL 38 minit yang lepas

[Vaksin COVID-19: Pekerja industri di kawasan merah diberi tumpuan](#)



NASIONAL sejam yang lepas

[Lampu hijau untuk hospital swasta beli vaksin](#)

21

'Sakura Malaysia' produk pelancongan baharu negara

- [Sakura 'Tekoma' kembali indahkan Alor Setar](#)

Katanya, hasrat untuk menjadikan tecoma sebagai antara produk pelancongan mampu dilaksanakan dengan kerjasama PBT melalui reka bentuk landskap yang khusus.



NASIONAL 2 jam yang lepas

[Ngeri kalau ketuk pintu siap picagari, jarum - Khairy](#)



NASIONAL 2 jam yang lepas

[Beri vaksin selepas TH kemuka senarai jemaah haji](#)

14

"Kita sedar hari ini pokok tecoma menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai dan ia bertepatan dengan Dasar Landskap Negara untuk mengindahkan lagi landskap pelbagai lokasi khususnya bandar-bandar di seluruh negara.

"Untuk menjadikan tecoma sebagai satu produk pelancongan, ia perlu dilaksanakan menerusi satu perancangan khusus memabitkan PBT, antaranya menyediakan sebuah taman khas untuk tecoma.

"Contoh di Jepun, mereka menanam pokok sakura di keseluruhan bukit dan ia menarik ramai pelancong untuk berkunjung di situ. Jika tecoma ditanam berselerak tanpa perancangan landskap yang rapi atau bukan secara berskala besar, ia tidak akan kelihatan menarik.

"Pihak PBT perlu tahu taman awam yang ada bukan hanya dibangunkan untuk aktiviti riadah semata-mata, sebaliknya boleh diindahkan dengan pelbagai jenis pokok-pokok teduhan, berbunga dan unik," katanya kepada BH, hari ini.

Mengulas lanjut, Rotina berkata, tarikan pokok tecoma yang dinikmati rakyat Malaysia hari ini adalah hasil dasar 'garden nation' yang dilancarkan negara pada 2010.

Katanya, pokok tecoma adalah antara pokok yang dipilih khas dan perlu ditanam PBT sebagai pokok teduhan untuk menurunkan suhu di bandar-bandar ketika itu.



NASIONAL 3 jam yang lepas
Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mulai 19 April



NASIONAL 8 jam yang lepas
Vaksin COVID-19 menunjukkan keberkesannya

TRENDING



NASIONAL 36 minit yang lepas
Kanak-kanak terapung di laut lebih 5 jam



NASIONAL 3 jam yang lepas
4 sekeluarga maut kereta tembung treler



KES 4 jam yang lepas
'Luluh hati saya...'



NASIONAL 7 jam yang lepas
Lelaki cuba selamatkan kanak-kanak ditemukan lemas



KES Mac 28, 2021 @ 10:27pm
Mangsa lemas baru seminggu kahwin

MYRESIPI



INFOMASI sejam yang lepas

"Fokus dasar ini adalah untuk mengurangkan pemanasan global dan ketika itu kita mempunyai senarai pokok-pokok teduhan yang mempunyai ciri-ciri menarik, antaranya tecoma," katanya.

Beliau berkata keindahan landskap negara ini juga ilham daripada kempen menanam pokok yang dilancarkan pada 1997 dan sejak itu bahagian landskap di PBT seluruh negara merangka pelbagai program untuk mencantikkan kawasan masing-masing.

"Jabatan Landskap juga akan sentiasa membantu perancangan PBT di seluruh negara dalam usaha memastikan inspirasi keindahan landskap tercapai," katanya.

****INFO POKOK TECOMA**

*sejenis pokok teduhan yang berasal dari Amerika Tengah dan Selatan

www.bharian.com.my/berita/masional/2021/03/801337/sakura-malaysia-produk-pelancungan-baharu-negara




Bendi Rebus Masak Ala Nyonya, Rasa Sambalnya Memang ‘Kick’!



INFOMASI sejam yang lepas
Campak-Campak Pun Sedap, Ini Resepi Ikan Goreng Sambal Nenas!



INFOMASI Mac 26, 2021 @ 1:02pm
Resepi Kuih Dangai Kukus Gula Melaka, Lembut & Cair Di Mulut



INFOMASI Mac 26, 2021 @ 12:58pm
Lembut & Cair, Ini Cara Buat Kuih Cakoi Sira Pedas, Semudah ABC!



INFOMASI Mac 25, 2021 @ 1:42pm
Menu Tradisi Orang Jawa, Ini Resepi

2/4

1

'Sakura Malaysia' produk pelancungan baharu negara

* nama pentaphylla adalah merujuk kepada lima daun di setiap tangkai, iaitu 'penta' bermaksud 'lima' manakala 'phylla' pula bermaksud daun dalam bahasa Latin.

* juga dipanggil 'pokok kertas tisu' disebabkan kelopak bunga yang tipis.

* di negara-negara Amerika Selatan ia digelar ipe rosa

* di Malaysia ia juga dipanggil 'cherry blossom of Penang'

* memerlukan cuaca yang kering untuk berbunga penuh



Kuih Topi Yang Menyerikan



Jam Tangan Switzerland, RM199

Mengapa lelaki menyukai jam tangan swiss ini?



Apendiks 2: Yomiuri Shimbun, 29 Mac 2021.

「おうち花見」が人気...自宅で咲かせる鉢植えの桜、去年の2倍の売れ行き

2021/03/29 11:42 新型コロナ

東京都内のソメイヨシノが満開となり、桜のシーズンも最盛期。新型コロナウイルスの影響で、桜の木の下での宴会はできない状況だが、「おうちで花見」を実現するサービスや商品が人気を呼んでいる。(田村美穂、浜名恵子)



渋谷区でドローン映像の制作などを行う「ドローンエンタテインメント」は2月、小金井市の浴恩館公園や長野県の高遠城址公園など、全国約50か所の桜をドローンで撮影した映像をホームページで無料公開した。

同社は昨年、東京五輪・パラリンピックを機に国内外に桜の名所を紹介しようと、クラウドファンディングで資金を集め、撮影を始めていた。ところが、コロナ禍で五輪は延期。映像は支援者限定で公開していた。

今回、長引くコロナ禍を受け、「新しい桜の見方を多くの人に知ってほしい」と、今年撮影したものを加えて一般に公開。今月27日には和歌山市の桜の生中継も行い、「ドローンだから見られる絶景」と好評だった。奈良県や富山県からの中継も予定している。

同社の横田淳代表(36)は「離れて暮らす家族や友達と同時に映像を見てリモートで花見をするなど、それぞれの方法で楽しんでほしい」と呼びかけている。

読者利便の利便

新聞も、デジタルも、おトクも
全部あわせて **1冊 4,400円** 税込
ネット限定価格

読売新聞のお申込み

ドローンで撮影した長野県の桜の映像を説明する横田代表(渋谷区で)

注目情報 PR

ランキング

	記事	動画	写真
1	都内でも変異型が急増、直近は3割超え... 「関西で起きていることが来月には東京で」		
2	都内の公園遊具に接着剤、逮捕の地元高校生ら側に復旧費134万円を賠償請求へ		
3	「借金だったことにされれば、私や母は借金を踏み倒そうとした人間だったことに」...小室圭さんが公表した文書の全文1		
4	小室圭さん「誤った情報を訂正する」28ページの文書公表...宮内庁長官「非常に丁寧な説明」		

自宅で咲かせることができる鉢植えの桜も人気だ。港区の生花店「Hibiya-Kadan Style新橋駅」の店頭には、「うち花見」を提案するパネルとともに、八重咲きの品種「旭山」を植えた小さな鉢が並ぶ。

店舗を運営する「日比谷花壇」によると、鉢植えの桜は、オンラインショップでは昨年の2倍の売れ行きで、今月中旬には品切れになった。新橋駅店でも残りわずかになっている。

千代田区の大丸東京店は、「おうち花見のススメ」と題し、花見気分を味わえる酒や弁当などをホームページで特

5 クラクション鳴らされた自転車の男、「黙れ」とどなり車を追いかけ停車させる

読売新聞オンラインからのお知らせ

- ▶ 地元メンバー、推しメンバーに「いいね」！1位獲得で新連載決定！「月刊チーム8」
- ▶ <ゲーム>巨人の戦いを予想する 人気のにんぎょうはこちら！
- ▶ 春の「ごちそう」プレゼント！人気のマスカットや牛肉を当てよう
- ▶ 火、金は特別な日〜ヒントは数字と雑談に？

<https://www.yomiuri.co.jp/economy/20210329-OYT1T50084/>

1/9

4/9/2021

「おうち花見」が人気...自宅で咲かせる鉢植えの桜、昨年の2倍の売れ行き：経済：ニュース：読売新聞オンライン



店頭に並ぶ桜の鉢植え (Hibiya-Kadan Style新橋駅)

集。桜色のワインや桜の葉を使ったパンなど食品約150種のほか、桜をあしらったワイングラスなどを紹介している。

17日から花見弁当の販売も始めたが、コロナ前の2年前と同程度の売れ行きだという。同店営業推進部の中西正明さん(55)は「外食ができない分、自宅で少し豪華に過ごそうというお客さんが増えている。この季節らしい弁当やワインがあれば、より楽しめるはず」と話している。

あわせて読みたい

- ▶ 米、中国のスパコン7企業に禁輸措置...バイデン政権初「軍事活動」に関与
- ▶ NYダウ続伸、終値3万3503ドル...IT関連への買い注文膨らむ
- ▶ 「東京ミッドタウン八重洲」22年8月末に開業...東京駅と地下街

オンライン部の船田さん

- ▶ 東北の特産品プレゼント 前沢キや海苔など盛りだくさん
- ▶ ららら:クラシックコンサート 読者限定のチケットを販売
- ▶ New門 旬のニュース「種明かし」
- ▶ あなたのきょうの運勢は？夢色☆占い
- ▶ ニュースも知識もくぐくん！ KODOMO・中高生新聞試し読み
- ▶ いますぐ読める明治から令和の記事 新聞データベース ヨミダスパーソナル

新着プレゼント

- ▶ 【金曜日抗闘・除菌】リファイン「アルコール除菌おでかけウェットティッシュ」5袋セットを10人に
- ▶ ミニ写真集「小林誠司 Photo Book 2021」を5人に